



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 10/76**

*Tindakan-tindakan Selepas Kelulusan Permohonan  
Pecah Sempadan, Pecah Bahagian Dan Penyatuan Tanah*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai tindakan-tindakan yang betul dan yang diperlukan selepas kelulusan sesuatu permohonan untuk pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah di bawah Kanun Tanah Negara.

2. Beberapa kesilapan berhubung dengan cukai tanah, syarat nyata dan jenis kegunaan yang perlu dikenakan ke atas hakmilik-hakmilik sambungan telah didapati di dalam tindakan-tindakan yang diambil selepas sesuatu permohonan untuk pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah diluluskan. Ada juga tindakan –tindakan yang tidak wajar diambil seperti meminta tuan-tuan tanah menyerahkan kawasan yang diperlukan untuk rancangan-rancangan Kerajaan, misalnya, untuk sekolah dan kawasan lapang dan meminta tuan tanah mengkhaskan 30% dari petak-petak rumah atau rumah-rumah di dalam sesuatu rancangan pembangunan untuk dijual kepada kaum bumiputera. Dalam perkara-perkara ini, Peguam Negara telah memberi nasihat seperti berikut:

- “ (a) Pihak berkuasa meluluskan permohonan tidak diberi kuasa oleh Kanun Tanah Negara untuk meminda cukai atau mengenakan syarat nyata atau jenis kegunaan tanah yang baru di dalam mana-mana suratan hakmilik sambungan;
- (b) Pihak berkuasa meluluskan permohonan tidak diberi kuasa oleh Kanun Tanah Negara untuk meminta supaya diserahkan sesuatu kawasan tanah untuk kegunaan Kerajaan (misalnya untuk tapak sekolah, atau kawasan lapang) dengan cara tidak mengeluarkan hakmilik untuk kawasan itu;
- (c) Pihak berkuasa meluluskan permohonan tidak berkuasa meminta tuan tanah, sebagai syarat kelulusan supaya meratakan mana-mana kawasan tanah yang diperlukan untuk kegunaan Kerajaan atau supaya menyediakan 30 % dari jumlah lot-lot pecahan sempadan itu untuk dijual kepada kaum bumiputera. ( Syarat menyediakan 30 % seperti ini adalah bertentangan dengan peruntukan Perkara 8 dalam Perlembagaan Malaysia);
- (d) Adalah bertentangan dengan peruntukan dalam seksyen 174 (1) Kanun Tanah Negara jika suratan hakmilik untuk lot-lot pecahan sempadan itu didaftarkan pada tarikh-tarikh yang berbeza-beza, iaitu, mengikut peringkat-peringkat kemajuan. “

3. Pemungut–pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diminta supaya mengambil perhatian akan nasihat yang diberi oleh Peguam Negara dan mengelakkan dari berlakunya lagi amalan yang tidak sewajarnya itu.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

P.T.TM 273  
Kuala Lumpur,  
Julai, 1976